

**TEKS UCAPAN  
YBHG. TUAN BARU BIAN  
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**SEMPENA MAJLIS PECAH TANAH  
PROJEK MENAIKTARAF JALAN BALAKONG**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

**Y.BHG DATO' SRI ZOHARI BIN HAJI AKOB**  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

**Y.BHG. DATO' SRI IR. DR. ROSLAN BIN MD TAHA**  
KETUA PENGARAH KERJA RAYA MALAYSIA

**Y.BHG. DATUK IR. RUSLAN BIN ABD. AZIZ**  
PENGARAH JKR NEGERI SELANGOR

**YB. DR. ONG KIAN MING**  
AHLI PARLIMEN BANGI

**Y.BHG. DATO' HJ. ROSLI BIN OTHMAN**  
PEGAWAI DAERAH DAN TANAH HULU LANGAT

**Y.BRS. TUAN MOHD SAYUTI BIN BAKAR**  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

**YBRS. IR. DR. HAJI ZARABIZAN BIN HAJI ZAKARIA**  
JURUTERA DAERAH JKR HULU LANGAT

**YBRS. IR. SV KALAISELVAM A/L VELAYUDAN**  
JURUTERA DAERAH JPS HULU LANGAT

## **PENDAHULUAN**

SELAMAT PETANG DAN SALAM SEJAHTERA.

1. BERSYUKUR KEPADA TUHAN KERANA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERHIMPUN PADA HARI INI DI DALAM MAJLIS PECAH TANAH PROJEK MENAIKTARAF JALAN BALAKONG (FT3211). SESUNGGUHNYA PADA HARI INI MERUPAKAN HARI YANG AMAT BERMAKNA BAGI PENDUDUK NEGERI SELANGOR, KHUSUSNYA PENDUDUK DI KAWASAN BALAKONG. DEMI KESELESAAN KEPADA SELURUH PENDUDUK BALAKONG KHUSUSNYA DAN JUGA KEPADA PENGGUNA JALAN RAYA YANG LAIN, DENGAN INI FASILITI DAN INFRASTRUKTUR DI JALAN BALAKONG AKAN DINAIKTARAF, DEMI KESELESAAN KITA BERSAMA.

## **PERLAKSANAAN PROJEK**

**YANG BERHORMAT DATO'-DATO',**

**TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,**

2. SERINGKALI KITA MENDENGAR PENYATAAN YANG MENYEBUT BAHAWA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR ADALAH MERUPAKAN PENANDA ARAS KEPADA KEMAJUAN SESEBUAH NEGARA. DALAM HAL INI, TAHAP PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DI MALAYSIA JUGA TIDAK TERKECUALI. CONTOHNYA, PEMBANGUNAN RANGKAIAN JALAN RAYA, LEBUH RAYA, JAMBATAN, HOSPITAL, SEKOLAH DAN PRASARANA LAIN, YANG SENTIASA MENDAPAT PERHATIAN UMUM.

3. PETANG INI KITA AKAN MENYAKSIKAN SATU LAGI INISIATIF KERAJAAN PUSAT DAN KERAJAAN NEGERI BERSAMA PIHAK SWASTA UNTUK

MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN YANG DAPAT MENINGKATKAN MOBILITI DAN CONNECTIVITY DENGAN NAIKTARAF JALAN BALAKONG.

4. SAYA YAKIN, MELALUI PEMBANGUNAN YANG TERANCANG DAN BERKUALITI, IANYA DAPAT MERANCAKKAN LAGI AKTIVITI EKONOMI DAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PRASARANA YANG UNGGUL BAGI MENARIK PERHATIAN PELABUR ASING DAN TEMPATAN BERLABUH DI NEGERI SELANGOR. INI SEKALIGUS DAPAT MEMBANTU PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI YANG DINAMIK.

5. INI BERMULA SEJAK TAHUN 1980AN DI MANA MALAYSIA GIAT MEMBANGUNKAN PRASARANA DAN INFRASTRUKTUR UNTUK SEKTOR PERINDUSTRIAN SERTA MENGAMALKAN DASAR PANDANG KE TIMUR. INFRASTRUKTUR YANG LENGKAP DAN SEMPURNA PULA TELAH MENARIK KEMASUKAN PELABUR ASING YANG KEMUDIANNYA MERANCAKKAN LAGI PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA PADA TAHUN 1990AN.

6. PENGALAMAN INI PENTING SEBAGAI ASAS KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI MENGEMUDI PEMBANGUNAN DEMI MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI YANG LEBIH DINAMIK DAN BERDAYA SAING. HAL INI JUGA MENUNTUT SEKTOR SWASTA BERSAMA-SAMA BERGANDING BAHU DENGAN KERAJAAN UNTUK MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR YANG BAIK UNTUK RAKYAT.

7. BAGI PIHAK KERAJAAN PERSEKUTUAN, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PEMAJU PARKLAND GROUP YANG DIANTARANYA MENJADI PENYUMBANG UTAMA KEPADA PEMBANGUNAN DAN AKAN NAIKTARAF JALAN BALAKONG YANG MENELAN BELANJA SEBANYAK RM8 JUTA. JALAN BALAKONG INI AKAN DI NAIKTARAF KEPADA JALAN BERKEMBAR EMPAT (4) LORONG DENGAN REKABENTUK PIAWAIAN U4 SEPANJANG 0.8 KM. SELAIN ITU, SKOP KERJA LAIN YANG TURUT TERLIBAT DI DALAM PROJEK INI ADALAH,

MENAIKTARAF DUA (2) PERSIMPANGAN BERLAMPU ISYARAT DAN PEMASANGAN LAMPU JALAN, NAIKTARAF SALIRAN LONGKANG DAN PENGALIHAN UTILITI.

**PENUTUP**

**YANG BERHORMAT DATO'-DATO',  
TUAN-TUAN, PUAN-PUAN DAN PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,**

8. SAYA YAKIN DAN PERCAYA, DENGAN KERJASAMA YANG KONSTRUKTIF INI ANTARA KERAJAAN DAN PIHAK SWASTA, KITA DAPAT BERSAMA-SAMA MENGGALAS TANGGUNGJAWAB UNTUK MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR DAN PRASARANA DEMI KEMUDAHAN DAN KESELESAAN RAKYAT.

9. MAKA, DENGAN INI, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MENYEMPURNAKAN MAJLIS PECAH TANAH MENAIKTARAF JALAN BALAKONG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.

SEKIAN, TERIMA KASIH.